

HQ/SR/10/12/2022

RABU, 14 DISEMBER 2022

Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching mencari ibu kandung dua orang kanak-kanak

KUCHING, RABU – Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching memohon bantuan orang ramai dalam usaha untuk mengesan ibu kandung atau waris bagi dua orang kanak-kanak.

Menurut kenyataan yang diterima, kanak-kanak berkenaan diberi nama Azeen Saffya berusia 3 tahun dan Hana Syahirah, 2 tahun.

Azeen ditinggalkan pada 10 Mac 2019 dan Hana, 9 Oktober 2020 di Kuching Specialist Hospital (KPJ) ketika masih bayi lagi.

Tujuan pengesanan ini dilakukan adalah untuk pengesahan, kebajikan dan penempatan kanak-kanak berkenaan.

Sehubungan itu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching mohon jasa baik orang ramai yang mengenali ibu kandung atau waris kanak-kanak berkenaan agar segera menghubungi Pegawai Pelindung Kanak-kanak, Asdayanti Sakawi atau Gracy Andrew di 082-507 999/ 507 111 atau 019-889 4375. **-TAMAT-**

Disediakan oleh: Toslin Meyub (BMKK)

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching

KUCHING

(disediakan pada jam 4.30 petang)